

# **Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelatih Pusat Latihan Teknikal**

MOHD SALLEH IBRAHIM  
Pejabat Pendidikan Daerah Tangkak, Johor  
MALAYSIA  
[mohdsalehputra@gmail.com](mailto:mohdsalehputra@gmail.com)

ZULNAIDI YAACOB  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
MALAYSIA  
[zulnaidi@usm.my](mailto:zulnaidi@usm.my)

Received : April 8, 2018

Accepted : June 23, 2018

## ***ABSTRAK***

Tujuan kajian ini ialah menentukan hubungan antara norma subjektif, sikap keusahawanan dan tanggapan kawalan tingkahlaku dengan kecenderungan keusahawanan. Data kajian telah dikutip melalui soal selidik daripada 56 orang pelatih yang mengikuti pengajian di pusat latihan teknikal. Berdasarkan ujian regresi, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkahlaku mempunyai hubungan dengan kecenderungan keusahawanan. Hasil kajian ini menyediakan input kepada institut latihan teknikal dalam menambahbaik strategi dan aktiviti untuk meningkatkan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

*Kata kunci: Keusahawanan, Pendidikan Teknikal, Teori Tingkahlaku Terancang*

## **Entrepreneurial Intention among Trainees of Technical Training Center**

### ***ABSTRACT***

*This study is aimed at determining the relationship between subjective norm, entrepreneurial attitude, perceived behavior control and entrepreneurial intention. Data of this study was collected through questionnaires from 56 trainees of one technical training center. Based on regression analysis, this study found subjective norm and perceived behavior control had significant relationship with entrepreneurial intention. The findings of this study provide input to technical training institutes in improving their strategies and activities in order to increase the entrepreneurial intention among students.*

*Key words: Entrepreneurship, Technical Education, Theory of Planned Behaviour*

## PENDAHULUAN

Peranan keusahawanan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara adalah pernyataan yang telah disokong oleh bukti dan data empirik seperti pertambahan peluang pekerjaan, pengurangan kadar pengangguran, peningkatan eksport, pertambahan daya saing dan kestabilan asas ekonomi. Malahan keusahawanan mempunyai peranan strategik dalam menyokong sasaran Malaysia untuk menjadi negara maju berteraskan inovasi dan pengetahuan (Pihie & Bagheri, 2011) melalui pewujudan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan dalam kalangan rakyat (Nagarathanam & Buang, 2016). Kesan pewujudan peluang pekerjaan baharu ini menjadi lebih baik jika dilakukan oleh lulusan pengajian tinggi termasuk pusat latihan teknikal yang baharu tamat pengajian kerana golongan ini lazim dilabelkan sebagai pencari kerja berbanding pencipta kerja. Keadaan ini dapat membantu mengurangkan tekanan ekonomi yang diakibatkan oleh peluang pekerjaan sedia ada yang terhad (Alhaj, Yusof & Edama, 2011) ekoran kebergantungan lulusan pengajian tinggi kepada peluang pekerjaan sedia ada dalam sektor awam dan swasta (Yusof, Sandhu & Jain, 2007). Justeru peningkatan bilangan lulusan pengajian tinggi yang menjadi usahawan merupakan agenda nasional yang sedang mendapat perhatian utama kerajaan berdasarkan jumlah besar peruntukan disalurkan untuk matlamat ini. Selain memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia, keusahawanan membolehkan individu mencapai kepuasan diri dalam pencapaian matlamat peribadi (Masruki et al., 2012) termasuk matlamat kewangan. Hal ini telah dibuktikan dalam satu kajian perbandingan yang mendapati siswazah yang menjadi usahawan memperoleh pendapatan bulanan yang lebih tinggi berbanding dengan siswazah yang menjadi pekerja dalam bidang yang tidak sama dengan kelulusan ikhtisas mereka (Soon, Lim & Ahmad, 2016).

Untuk mengalakkan penyertaan keusahawanan dalam kalangan rakyat, kalangan pelajar adalah antara sasaran utama (Lucky & Ibrahim, 2014) termasuk pelajar bidang teknikal (Abbas, 2015). Hal ini kerana pelajar yang kelak akan tamat pengajian akan memerlukan pekerjaan. Ketika pasaran peluang pekerjaan semakin mencabar, pendedahan awal kepada golongan pelajar untuk menjadi usahawan setelah tamat belajar adalah satu pendekatan proaktif. Selain daripada itu, kajian tentang kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar pada peringkat pendidikan tinggi membolehkan kecenderungan individu dikenalpasti pada peringkat lebih awal dan tindakan intervensi boleh diambil untuk memastikan agenda menghasilkan lebih ramai usahawan dapat direalisasikan. Intervensi pada peringkat lebih awal kepada seseorang individu akan dapat meningkatkan kemungkinan untuk individu tersebut memilih usahawan sebagai profesion (Davey *et al.*, 2011). Berbanding pelajar pada peringkat pendidikan pasca sekolah, intervensi kepada pelajar pada peringkat sekolah menengah dan rendah mungkin kurang sesuai kerana pelajar pada peringkat ini dibahaskan sebagai belum matang dalam menilai cabaran dan isu berhubung dunia keusahawanan sebenar (Pihie & Bagheri, 2011).

Kajian ini signifikan atas beberapa sebab. Kajian ini signifikan kepada institusi pengajian tinggi yang merupakan institusi yang berperanan penting dalam menyediakan ekosistem yang sesuai untuk melatih dan mencetus minat keusahawanan dalam kalangan pelajar (Mustapha & Selvaraju, 2015). Institusi pengajian tinggi yang dapat berperanan secara berkesan dalam mendorong pelajar menceburi bidang keusahawanan dapat membantu agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015 -2025) untuk Pendidikan Tinggi Negara. Pelan itu meletakkan satu daripada lonjakan yang mahu dicapai ialah mempunyai graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan

seimbang. Lonjakan ini mensasarkan penghasilan lebih ramai alumni yang bergelar pencipta peluang pekerjaan.

Kajian ini dijalankan ke atas belia yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang teknikal. Mengikut Seun *et al.* (2017), penelitian ke atas faktor belia menceburi bidang keusahawanan merupakan lompong literatur yang belum terisi sepenuhnya. Selain itu, keusahawanan dalam kalangan lulusan pengajian tinggi adalah fokus semasa kerajaan dalam melahirkan lebih ramai penyedia pekerjaan dan bukannya pencari kerja. Sebagai kajian ke atas kecenderungan keusahawanan yang menggunakan individu sebagai unit analisis, kajian ini adalah mustahak kerana Pawitan, Nawangpalupi dan Widyarini (2017) menegaskan kejayaan agenda keusahawanan sesebuah negara adalah refleksi kepada tahap dan aktiviti keusahawanan pada peringkat individu.

## **PENYATAAN MASALAH**

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi menjadikan keusahawanan sebagai salah satu teras dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Hal ini menunjukkan bahawa pengajian tinggi di Malaysia bertujuan melahirkan siswazah yang boleh menjadi pencipta pekerjaan, iaitu tidak lagi dihadkan setakat keupayaan institusi pengajian tinggi melahirkan pekerja yang cekap untuk memenuhi keperluan pasaran kerja. Pelbagai program dengan jumlah peruntukan yang besar telah disediakan oleh kerajaan bagi merangsang kemajuan aktiviti keusahawanan (Ooi & Ahmad, 2013).

Strategi yang dilaksanakan melalui Kementerian Pengajian Tinggi itu merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan dalam meningkatkan aktiviti keusahawanan dalam negara yang dilakukan melalui pelbagai kementerian dan agensi. Hal ini merangkumi aktiviti pada peringkat makro dan mikro, termasuklah menyediakan prasarana, infrastruktur dan infostruktur, penggubalan polisi, dasar dan inisiatif baharu serta penubuhan pelbagai agensi pemudahcara dan pelaksana (Majid *et al.*, 2008; Pihie & Bagheri, 2011). Komitmen kerajaan ini adalah selari dengan sumbangan besar yang dapat dijana dari aktiviti keusahawanan seperti peningkatan daya saing, pertumbuhan ekonomi, penggunaan sumber yang lebih cekap, inovasi dalam industri baharu dan pertambahan hasil kepada negara.

Walaupun keusahawanan adalah antara fokus kerajaan Malaysia, Samsudin *et al.* (2016) memetik laporan The Global Entrepreneurship Monitor 2015 bahawa penyertaan rakyat Malaysia ke dalam sektor keusahawanan hanya 5.7% iaitu antara negara dengan peratusan penglibatan golongan dewasa dalam bidang keusahawanan yang paling rendah. Dari sudut penyertaan pelajar dalam bidang keusahawanan, terdapat peningkatan yang mengalakkan dari tahun ke tahun, namun peratusan ini masih sangat rendah. Terdapat pelbagai sebab yang menyumbang kepada peratusan penglibatan pelajar yang rendah dalam bidang keusahawanan seperti persepsi negatif terhadap keusahawanan serta keusahawanan sebagai kerjaya kepada mereka yang gagal mendapat pekerjaan.

Kajian berkaitan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar dari bidang dan tahap pengajian yang berlainan masih merupakan isu kajian yang perlu terus diselidiki (Nagarathanam & Buang, 2016). Mengikut Abbas (2015), pendidikan keusahawanan bukan difokuskan kepada

pelajar pengurusan perniagaan sahaja tetapi merangkumi pelajar bidang teknikal seperti kejuruteraan dan komputer. Justeru, kajian tentang sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar dari pelbagai bidang pengajian masih diperlukan kerana kajian lepas adalah belum mencukupi (Al-Haj & Yusof, 2013; Ooi & Ahmad, 2013; Sharrif & Saud, 2009) untuk membolehkan literatur mencapai kesimpulan yang tuntas.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Didasarkan kepada pernyataan masalah yang dibentuk sesuai dengan latarbelakang isu kajian, objektif kajian ini ialah menentukan hubungan antara norma subjektif, sikap keusahawanan dan tanggapan kawalan tingkahlaku dengan kecenderungan keusahawanan.

## **FAKTOR KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN**

Literatur tentang kecenderungan individu terhadap keusahawanan dapat dibahagi kepada dua aliran utama berdasarkan faktor penyebab yang dikaji iaitu faktor individu dan faktor persekitaran (Majid *et al.*, 2008). Mengikut Lucky dan Ibrahim (2014), faktor persekitaran bukan faktor penyebab terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Justeru, bahagian ini memfokuskan ulasan ke atas faktor individu yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan iaitu norma subjektif, sikap keusahawanan dan tanggapan kawalan tingkahlaku.

Literatur membahaskan bahawa usahawan merupakan individu yang dapat mengesan peluang perniagaan (Jones & Jones, 2014) dan bijak mengurus risiko untuk mencapai matlamat keuntungan bagi memenuhi keperluan pasaran. Kepelbagaian definisi tentang usahawan bukan bertentangan antara satu sama lain, sebaliknya kepelbagaian definisi ini menunjukkan bahawa usahawan merupakan individu yang mempunyai pelbagai ciri yang boleh dikenalpasti sama ada pada orientasi pemikiran dan tingkahlaku. Implikasi definisi usahawan kepada penyelidikan keusahawanan ialah ciri-ciri keusahawanan dalam diri individu sering dijadikan pembolehubah tidak bersandar dalam meramal pemilihan usahawan sebagai profesion.

Dalam kajian ke atas pelajar universiti, Nagarathanam dan Buang (2016) mendapati bahawa keputusan seseorang pelajar untuk menjadi usahawan sangat dipengaruhi oleh sikap dan niat mereka terhadap bidang keusahawanan. Pembolehubah peramal dalam kajian mereka dibentuk berdasarkan teori yang digunakan secara meluas dalam literatur iaitu Teori Tindakan Terancang (TTT) oleh Ajzen yang diterbitkan pada tahun 1991. Mengikut TTT, niat seseorang seperti niat memilih usahawan sebagai profesion dipengaruhi oleh sikap terhadap tingkahlaku, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkahlaku.

Selain Teori Tindakan Terancang, kajian keusahawanan juga menggunakan Teori Peristiwa oleh Shapero dan Shokol yang dilaporkan pada tahun 1982. Niat juga dilaporkan sebagai faktor yang kuat dalam mempengaruhi keputusan individu untuk menjadi usahawan (Hirschi & Fischer, 2013; Sudipa & Damodharan, 2012). Mengikut Sudipa & Damodharan (2012), niat membentuk pemikiran, perasaan dan tindakan seseorang individu dalam membuat pilihan untuk menjadi seorang usahawan.

Faktor individu memilih usahawan sebagai profesion telah dikaji oleh ramai pengkaji seperti Abbas (2015), Lucky dan Ibrahim (2014), Nagarathanam dan Buang (2016), Masruki *et al.* (2012), dan Mustapha dan Selvaraju (2015). Mengikut psikologis, karakteristik individu mempengaruhi keputusan mereka untuk menjadi usahawan (Masruki *et al.*, 2012). Literatur turut melaporkan pelbagai faktor demografi menjadi fokus pengkaji dalam mencari kepastian kepada faktor yang boleh meramal individu memilih usahawan sebagai profesion. Hal ini termasuklah gender (Abas, 2015; Sudipa & Damodharan, 2012), etnik (Pihie & Bagheri, 2011), pendidikan (Sharrif & Saud, 2009), keluarga (Mustapha & Selvaraju, 2015), anutan agama (Masruki *et al.*, 2012; Sarif & Amran, 2006), negara (Ana *et al.*, 2016). Bertitik tolak dari kritikan yang diberikan terhadap arah aliran yang mengkaji faktor demografi sebagai faktor kecenderungan keusahawanan (Harris & Gibson, 2008), kajian ini dilakukan berdasarkan kerangka Teori Tindakan Terancang yang mengkaji 'sikap individu' sebagai penentu kecenderungan keusahawanan. Mengkaji sikap individu berkaitan kecenderungan keusahawanan adalah pendekatan yang lebih sesuai berbanding mengkaji kaitan demografi dengan kecenderungan keusahawanan (Al-Haj & Yusof, 2013).

### **Norma Subjektif**

Norma subjektif adalah gambaran tentang persepsi individu terhadap pengaruh sosial yang dibentuk oleh orang sekeliling dalam membuat keputusan untuk melakukan sesuatu tindakan. Jika orang sekeliling mempunyai tanggapan positif terhadap individu yang menceburi keusahawanan, maka kecenderungan individu terhadap keusahawanan akan meningkat. Hal ini turut diakui oleh kajian yang mendapati ketiadaan dorongan sosial dari orang di sekeliling merupakan antara sebab individu tidak berminat untuk menjadi usahawan (Majid *et al.*, 2008). Sebaliknya individu yang mendapat sokongan sosial adalah faktor signifikan dalam membentuk kecenderungan terhadap keusahawanan (Salleh, Rani & Latief, 2016). Pengaruh norma subjektif yang paling mempengaruhi kecenderungan keusahawanan ialah keluarga, individu penting dalam hidup seseorang termasuk rakan, model rujukan dan mentor (Krueger *et al.*, 2000).

### **Sikap Keusahawanan**

Sikap keusahawanan menggambarkan perasaan individu terhadap keusahawanan, sama ada positif atau negatif. Dalam kata lain, individu yang mempunyai sikap positif terhadap keusahawanan akan lebih cenderung untuk menjadi usahawan. Hal ini turut diakui dalam kajian lepas iaitu individu tidak berminat terhadap keusahawanan kerana beranggapan proses menubuhkan perniagaan adalah sukar (Majid *et al.*, 2008). Chea (2015) mendapati sikap keusahawanan mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar yang mengikuti pengajian melalui program terbuka dan jarak jauh. Hal yang sama disimpulkan dalam kajian ke atas pelajar etnik India (Nagarathanam & Buang, 2016). Sikap terhadap keusahawanan pula merupakan hal yang boleh dibentuk melalui penerapan elemen keusahawanan dalam kurikulum yang diikuti oleh pelajar (Lacap, 2017). Hal ini kerana sikap keusahawanan merupakan pandangan atau tingkahlaku yang dibentuk berdasarkan pengalaman lepas terhadap hal yang akan dilakukan pada masa hadapan (Al-Haj & Yusof, 2013).

### **Tanggapan Kawalan Tingkahlaku**

Tanggapan kawalan tingkahlaku dikaitkan dengan persepsi individu terhadap halangan dan kesukaran yang perlu dihadapi untuk melakukan sesuatu tugas. Bagi individu yang mempunyai tanggapan kawalan tingkahlaku yang tinggi, perkara ini dilihat sebagai cabaran yang positif.

Individu tersebut percaya bahawa keusahawanan membolehkan mereka membuktikan keupayaan menjadi pemimpin, melakukan strategi untuk mencapai matlamat diri dan mencabar potensi diri sendiri (Kim-Soon *et al.*, 2016). Untuk bergelar seorang usahawan, halangan yang terpaksa ditempuhi terutama dalam kalangan usahawan baharu merupakan perkara yang lumrah (Ooi & Ahmad, 2013). Sebagai contoh, literatur menyenaraikan halangan untuk menubuhkan sebuah perniagaan ialah akses kepada bantuan kewangan dan maklumat penting berkaitan perniagaan yang diceburi, kos operasi yang tinggi termasuk kos buruh dan naik turun inflasi, serta pengetahuan dalam pengurusan perniagaan yang tidak mencukupi. Selain itu, halangan sendiri ke arah bergelar usahawan ialah sikap berpuashati dengan pendapatan bergaji semasa, lebih suka pekerjaan bergaji tetap, tidak mempunyai minat untuk menjadi usahawan dan tidak mempunyai pengetahuan untuk memulakan perniagaan (Majid *et al.*, 2008). Mengikut Chea (2015), tanggapan kawalan tingkahlaku mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar.


### **Kecenderungan Keusahawanan**

Pengkaji terdahulu telah memperihalkan konsep kecenderungan keusahawanan yang dijadikan asas untuk menilai perlakuan dalam kalangan individu yang belum bergelar usahawan. Justeru kecenderungan keusahawanan merujuk kepada pemikiran secara sadar seseorang individu tentang perancangan, pengambilan keputusan dan tindakan ke arah menjadi seorang usahawan pada masa hadapan (Thompson, 2009). Seseorang yang mempunyai kecenderungan keusahawanan iaitu keinginan dan harapan (Peng, Lu & Kang, 2012) akan terdorong untuk bergelar usahawan pada kemudian hari (Choo & Wong, 2006). Kebanyakan kajian lepas yang menyelidik isu kecenderungan keusahawanan membangunkan model kajian berdasarkan Teori Tingkahlaku Terancang (TTT) oleh Ajzen (1991), selari dengan pendekatan yang diambil dalam kajian ini. Walaupun kajian-kajian tersebut membina kerangka teoretikal berasaskan teori yang sama, terdapat variasi dalam penemuan hasil kajian menjadikan isu kajian kecenderungan keusahawanan merupakan isu yang masih memerlukan penelitian lanjut. Walaupun kecenderungan keusahawanan tidak dapat menjamin penyertaan sebenar individu menjadi usahawan, namun literatur merumuskan terdapat perkaitan yang kuat antara kecenderungan dan tindakan sebenar (Zani *et al.*, 2016).

## **MODEL KAJIAN**

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibentuk berdasarkan Teori Tingkahlaku Terancang (Ajzen, 1991)

Rajah 1: Kerangka konseptual kajian



## HIPOTESIS KAJIAN

Seperti yang telah dibahaskan dalam bahagian literatur, individu terdorong menjadi usahawan jika mendapat sokongan atau inspirasi daripada individu di sekeliling mereka seperti ahli keluarga atau individu yang dikagumi (Kim-Soon *et al.*, 2016). Hal ini kerana bidang keusahawanan adalah satu bidang yang mencabar dan berisiko. Selain daripada itu, kecenderungan keusahawanan juga adalah ketara dalam kalangan individu yang mempunyai sikap positif terhadap bidang keusahawanan. Individu yang mempunyai sikap positif terhadap keusahawanan ialah individu yang percaya bahawa bidang keusahawanan membolehkan mereka mencapai potensi diri sama ada potensi dalam aspek kewangan dan bukan kewangan (Kim-Soon *et al.*, 2016) seperti kreativiti dan inovasi. Kecenderungan keusahawanan juga adalah tinggi dalam kalangan individu yang mempunyai keyakinan bahawa keusahawanan menyediakan peluang untuk mereka meneroka potensi diri. Hal ini kerana keusahawanan adalah bidang yang mempunyai pelbagai cabaran (Ooi & Ahmad, 2013) yang perlu dihadapi sama ada pada peringkat pra penubuhan, awal penubuhan atau ketika perniagaan berjalan. Oleh yang demikian, tiga hipotesis berikut diuji dalam kajian ini.

H<sub>1</sub>: Norma subjektif mempengaruhi kecenderungan keusahawanan

H<sub>2</sub>: Sikap keusahawanan mempengaruhi kecenderungan keusahawanan

H<sub>3</sub>: Tanggapan kawalan tingkahlaku mempengaruhi kecenderungan keusahawanan

## METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini memperihalkan metodologi kajian dari aspek populasi, sampel dan responden.

Sampel kajian ini terdiri daripada 62 pelatih tahun akhir sebuah pusat latihan teknikal yang mengikuti program komputer dan teknologi maklumat. Pemilihan pelajar tahun akhir adalah sesuai kerana kumpulan ini telah mengikuti sebahagian besar aktiviti dan kurikulum yang perlu disertai, serta berada pada fasa terakhir sebelum melangkah ke pasaran pekerjaan. Edaran dibuat menggunakan pensampelan selesa mengikut pelatih yang bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Maklumbalas yang diterima ialah 100% memandangkan pentadbiran soal selidik dibuat sendiri oleh penyelidik.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah diadaptasi daripada Kim-Soon (2016) yang melakukan ubahsuai berdasarkan Fatoki (2010). Semua item untuk pengukuran pembolehubah diukur menggunakan skala Likert 5, iaitu 1 untuk paling tidak setuju dan 5 untuk paling setuju. Skor bagi setiap pembolehubah diukur dengan mengira nilai purata bagi skor untuk item-item yang mewakili pembolehubah berkenaan.

Jadual 1: Pembentukan instrumen kajian

Pembolehubah	Bilangan Item	Contoh Item
Norma Subjektif	6	• Mengikut jejak individu yang dikagumi

Sikap Keusahawanan	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dorongan ahli keluarga</li> <li>• Keusahawanan menyediakan peluang pendapatan</li> <li>• Keusahawanan membolehkan usahawan menyediakan peluang pekerjaan</li> </ul>
Tanggapan Kawalan Tingkahlaku	8	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keusahawanan memberikan peluang mencabar potensi diri sendiri</li> <li>• Keusahawanan dapat memberikan kepuasan diri</li> </ul>
Kecenderungan Keusahawanan	12	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minat mnedalam untuk menjadi usahawan</li> <li>• Lebih menyukai menjadi usahawan berbanding dengan makan gaji</li> <li>• Telah melakukan persediaan untuk bergelar usahawan</li> </ul>

Sumber: Kim-Soon, *et al.* (2016)

## ANALISIS DATA

Bahagian ini melaporkan hasil analisis ke atas data soal selidik yang dikumpul.

Daripada 62 soal selidik yang diedarkan, 56 soal selidik telah dikembalikan dan lengkap untuk digunakan dalam analisis statistik selanjutnya. Jumlah 56 soal selidik adalah memenuhi jumlah sampel minimum yang diperlukan untuk membuat kesimpulan statistik yang sah, memandangkan kajian ini hanya mempunyai 3 pembolehubah tidak bersandar.

Jadual 2 menunjukkan profil responden. Sebanyak 51.8% responden merupakan pelatih lelaki, manakala bakinya adalah pelatih perempuan. Mengikut literatur, jantina bukan faktor perbezaan yang signifikan dalam menilai kecenderungan keusahawanan (Santos, Roomi & Linan, 2016). Majoriti daripada responden iaitu 73.2% merupakan pemegang Sijil Pelajaran Malaysia, sebagai kelayakan masuk mereka ke pusat latihan teknikal ini.

Jadual 2: Profil Responden

	Kekerapan	%
<b>Jantina</b>		
Lelaki	29	51.8
Perempuan	27	48.2
<b>Kelayakan akademik tertinggi</b>		
Penilaian Menengah Rendah	14	25.0
Sijil Pelajaran Malaysia	41	73.2
Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	1	1.8

## Ujian Kebolehpercayaan

Ujian kebolehpercayaan dilakukan berdasarkan indikator nilai Cronbach alpha untuk menentukan tahap konsistensi dalaman ke atas instrumen kajian yang digunakan. Hasil analisis seperti dilaporkan dalam Jadual 3 menunjukkan instrumen yang digunakan untuk mengukur semua



pembolehubah memenuhi usul literatur (Hair *et al.*, 1998) yang meletakkan tanda aras 0.60 sebagai paras terendah yang boleh diterima, khususnya dalam kajian yang memiliki sampel kecil.

Jadual 3: Ujian konsistensi dalaman

Pembolehubah	Bilangan item	Cronbach's alpha
Norma subjektif	6	.876
Sikap Terhadap Keusahawanan	5	.806
Tanggapan Kawalan Tingkahlaku	8	.859
Kecenderungan Keusahawanan	12	.955

Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai purata bagi semua pembolehubah adalah melebihi skor 3. Nilai skor melebihi 3/5 menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap norma subjektif, sikap terhadap keusahawanan, tanggapan kawalan tingkahlaku, dan kecenderungan keusahawanan yang tinggi.

Jadual 4: Analisis deskriptif

Pembolehubah	Purata	Sisihan Piawai
Norma subjektif	3.110	.750
Sikap Terhadap Keusahawanan	3.679	.742
Tanggapan Kawalan Tingkahlaku	3.683	.441
Kecenderungan Keusahawanan	3.165	.845

Jadual 5 menunjukkan korelasi antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Ujian menunjukkan bahawa ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar mempunyai korelasi yang signifikan dengan pembolehubah bersandar. Namun ujian ini perlu dilanjutkan dengan ujian regresi sebelum kajian dapat membuat kesimpulan statistik yang lebih ampuh. Melalui ujian regresi, kesan ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar ke atas pembolehubah bersandar dapat diuji secara serentak.

Jadual 5: Ujian korelasi Pearson

Pembolehubah	Kecenderungan keusahawanan
Norma subjektif	0.910
Sikap Terhadap Keusahawanan	0.776
Tanggapan Kawalan Tingkahlaku	0.948

Untuk menguji hipotesis, ujian regresi dilakukan. Semakan ke atas data menunjukkan data adalah bertaburan normal, bebas dari masalah multikolineariti yang serius, tiada auto korelasi dan *homoscedacity*. Walaupun korelasi antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar seperti ditunjukkan dalam Jadual 5 adalah tinggi, semakan ke atas output ujian regresi menunjukkan nilai VIF (Variance Inflation Factor) adalah di bawah nilai 10. Hal ini mengesahkan tidak wujud masalah multikolineariti yang serius.

Jadual 6 menunjukkan pengujian hipotesis yang dilakukan menerusi ujian regresi. Berdasarkan output ujian regresi,  $H_1$  dan  $H_2$  adalah disokong, manakala  $H_3$  tidak disokong. Hal ini bererti tanggapan kawalan tingkahlaku dan norma subjektif adalah mempengaruhi kecenderungan

keusahawanan, manakala sikap terhadap keusahawanan tidak mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan.

Jadual 6: Ujian Regresi

Pembolehubah tidak bersandar	Koefisien Terlaras	t	sig
Norma subjektif	.338	3.382	.001*
Sikap terhadap keusahawanan	-.025	-.341	.734
Tanggapan Kawalan tingkahlaku	.667	7.715	.000*

$R^2$  Terlaras = .915 ; Nilai F = 199.588 ; Durbin-Watson = 1.802

\* $p < .05$ ; pembolehubah bersandar = kecenderungan keusahawanan

## PERBINCANGAN HASIL KAJIAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini menemukan hubungan signifikan antara norma subjektif dan kecenderungan keusahawanan. Hal ini menunjukkan dorongan daripada orang di sekeliling dan faktor pengalakkan dari persekitaran adalah hal penting yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan. Individu yang berlatarbelakang dalam keusahawanan dapat membantu meningkatkan minat individu terhadap keusahawanan (Tunggak & Ahmed, 2015). Penemuan ini juga menunjukkan bahawa bimbingan daripada ikon usahawan yang berjaya adalah berpotensi dalam meningkatkan kecenderungan keusahawanan. Justeru penemuan ini memberi implikasi kepada institusi pendidikan untuk menganjurkan aktiviti keusahawanan yang melibatkan usahawan yang telah berjaya seperti perkongsian pengalaman usahawan di dalam kampus. Program CEO@Faculty yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi di universiti-universiti awam adalah satu strategi untuk meningkatkan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar, selari dengan penemuan kajian ini yang mendapati kecenderungan keusahawanan dipengaruhi oleh norma subjektif termasuklah diinspirasi oleh tokoh-tokoh yang telah berjaya. Program CEO@Faculty merupakan satu program yang memberikan peluang untuk pelajar menghadiri seminar yang akan disampaikan oleh tokoh-tokoh dalam dunia perniagaan. Kajian lepas juga membuktikan individu model rujukan mempunyai pengaruh norma subjektif ke atas individu lain untuk bergelar usahawan (Krueger *et al.*, 2000)

Kajian ini juga melaporkan hubungan signifikan antara tanggapan kawalan tingkahlaku dan kecenderungan keusahawanan. Keputusan ini selari dengan penemuan lepas seperti Sarif dan Amran (2016). Hal ini menunjukkan individu yang mempunyai tanggapan bahawa menjadi usahawan itu satu perkara yang mudah akan lebih cenderung untuk menjadi usahawan. Penemuan ini memberi implikasi bahawa institusi pendidikan perlu mengiatkan pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar supaya mereka mempunyai pengetahuan yang memadai untuk memulakan perniagaan. Individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran keusahawanan, boleh dihipotesis, sebagai tidak akan mempunyai tanggapan bahawa keusahawanan sebagai satu bidang yang sukar. Sebaliknya mereka akan beranggapan bidang keusahawanan senang dilakukan kerana terdapat banyak bantuan dan sokongan oleh pelbagai agensi, mereka boleh bekerja mengikut inisiatif sendiri serta menetapkan sasaran sendiri.

Sikap terhadap keusahawanan tidak mempengaruhi kecenderungan keusahawanan. Penemuan ini adalah sesuatu yang menarik untuk dikupas. Penemuan ini adalah selari dengan Nasharudin dan Harun (2010) yang mendapati pelajar tidak berminat untuk menceburi keusahawanan walaupun mereka mempunyai sikap positif terhadap keusahawanan. Selain daripada itu, nilai beta koefisien

terlaras negatif untuk hubungan antara sikap terhadap keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan menunjukkan arah aliran hubungan yang bertentangan. Ia boleh ditafsir sebagai walaupun sikap terhadap keusahawanan adalah menurun (semakin rendah), kecenderungan terhadap keusahawanan adalah menaik (semakin tinggi). Hal ini dapat dijelaskan oleh rumusan Tunggak dan Ahmed (2015) iaitu, Bumiputera adalah kumpulan etnik yang mempunyai sikap daya usaha dan kesanggupan risiko yang rendah, iaitu sikap yang diperlukan untuk menjadi usahawan. Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelatih Bumiputera.

Perbincangan dalam literatur turut menunjukkan bahawa kecenderungan keusahawanan seseorang boleh dipengaruhi oleh kurikulum pembelajaran yang diikuti, persekitaran dan dorongan oleh orang di sekeliling (Zaki *et al.*, 2016). Seseorang boleh membina sikap negatif terhadap keusahawanan kerana bidang ini digambarkan sebagai bidang yang berisiko dan mempunyai persaingan tinggi, namun peluang meraih kejayaan sebagai usahawan boleh menjadi faktor pendorong yang lebih kuat berbanding halangan yang dilalui oleh usahawan. Institusi pendidikan boleh mengambil pendekatan menganjurkan hari usahawan yang memerlukan pelajar menjalankan aktiviti perniagaan secara amali kerana menurut Zaki *et al.* (2016), aktiviti ini boleh membentuk persepsi positif dalam kalangan pelajar terhadap keusahawanan. Hal ini adalah kerana pendidikan merupakan faktor penting dalam mendorong seseorang memilih keusahawanan sebagai kerjaya (Seun *et al.*, 2017). Perkaitan antara penglibatan dalam aktiviti keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan turut ditemui dalam kajian Nawang *et al.* (2016). Pengkaji ini menguji pelajar yang telah mengikuti sebuah program keusahawanan dan mendapati tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan mereka adalah tinggi.

### **LIMITASI KAJIAN DAN CADANGAN UNTUK KAJIAN MASA DEPAN**

Sebagai kajian kuantitatif yang berasaskan model peramalan yang sudah banyak dikaji dalam literatur, kajian ini hanya menyelidik pembolehubah tidak bersandar berkaitan faktor individu yang telah dibincangkan dalam literatur. Kemungkinan terdapat banyak lagi pembolehubah lain termasuk pembolehubah berkaitan faktor persekitaran yang berpotensi dapat mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih pusat latihan teknikal. Dalam meneroka kemungkinan baharu, kajian masa depan wajar mempertimbangkan kaedah penyelidikan kualitatif seperti kumpulan fokus atau temubual eksklusif untuk mengenalpasti pembolehubah-pembolehubah peramal kecenderungan keusahawanan yang unik dalam kalangan pelatih institut latihan teknikal. Walaupun bilangan sampel yang dianalisis dalam kajian adalah memadai dari segi keperluan statistik, bilangan sampel yang lebih banyak dapat memberi keputusan yang lebih menyakinkan. Justeru kajian pada masa hadapan wajar mempertimbangkan untuk menjalankan kajian pada skala lebih besar.

### **KESIMPULAN**

Kajian ini memfokuskan kepada kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Hasil kajian memberi manfaat kepada institusi pendidikan dalam merangka kurikulum dan aktiviti yang dapat meningkatkan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor norma subjektif dan kawalan tingkahlaku yang didapati signifikan dalam kajian ini. Arah aliran isu kajian ini selari dengan tumpuan semasa kerajaan Malaysia ke arah mengalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar agar peratusan rakyat yang menceburi keusahawanan akan dapat ditingkatkan.

## RUJUKAN

- Abbas, L. N. (2015). Entrepreneurial intention among Malaysian engineering graduates: Male versus female, *Journal of Technical Education and Training*, 7(2), 54-59.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior, *Organizational Behaviour and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Alhaj, B. K., Yusof, M. Z. & Edama, N. (2011). Entrepreneurial intention: An empirical study of Community College students in Malaysia, *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 45-58.
- Alhaj, B. K., & Yusof, M. Z. (2013). Sikap keusahawanan dan hasrat keusahawanan: Satu penilaian instrumen dalam mengkaji kecenderungan keusahawanan, *Jurnal Personalia Pelajar*, 15, 61-69.
- Ana, A., Hurriyati, R., Rostika, Y. & Nazeri, M. (2016). Entrepreneurial intentions of tourism vocational high school students in Indonesia and Malaysia, *Journal of Technical Education and Training*, 8(2), 12-20.
- Chea, C. C. (2015). Entrepreneurship intention in an open and distance learning (ODL) institution in Malaysia, *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 3(3), 31-44.
- Choo, S. & Wong, M. (2006). Entrepreneurial intention: triggers and barriers to new venture creations in Singapore, *Singapore Management Review*, 28(2), 47-64.
- Davey, T., Plewa, C. & Struwig, M. (2011). Entrepreneurship perceptions and career intentions of international students, *Education + Training*, 53(5), 335-352.
- Fatoki, O. O. (2010). Graduate entrepreneurial intention in South Africa: Motivations and obstacles, *International Journal of business and Management*, 5(9), 87-98.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (1998). *Multivariate Analysis*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Harris, M. L. & Gibson, S. G. (2008). Examining the entrepreneurial attitudes of US business students, *Education + Training*, 50(7), 568-581.
- Hirschi, A. & Fischer, S. (2013). Work values as predictors of entrepreneurial career intentions, *Career Development International*, 18(3), 216-231.
- Jones, P. & Jones, A. (2014). Attitudes of sports development and sports management undergraduate students towards entrepreneurship: A university perspective towards best practice, *Education + Training*, 56(9), 716-732.
- Kim-Soon, N., Ahmad, A. R. & Ibrahim, N. N. (2016). Theory of planned behaviour: undergraduate entrepreneurship motivation and entrepreneurship career intention at a public university. *Journal of Entrepreneurship: Research & Practice*, 2016, 1-14.
- Krueger, N. F., Reilly, M. D. & Carsrud, A. L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions. *Journal of Business Venturing*, 15(5/6), 411-432.
- Lacap, J. P. G. (2017). Senior high school students' entrepreneurial inclination: The case of accountancy, business and management track students in Pampanga, Philippines. *Journal of Entrepreneurship and Business*, 5(2), 37-49.
- Lucky, E. O. & Ibrahim, N. A. (2014). Environmental factors and entrepreneurial intention among Nigerian students in UUM. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 4(2), 187-203.
- Majid, I. A., Dora, M. T., Kamarudin, M. F. & Hussin, H. (2008). Factors influencing the formation of business ventures. *Journal of Human Capital Development*, 1(1), 29-40.

- Masruki, R., Zakaria, N., Dali, N. R. S. M., Nordin, S. N. & Salikin, N. (2012). Determinants of motivating Muslims to become entrepreneurs in Malaysia. *Ulum Islamiyyah Journal*, 8 (June), 97-107.
- Mustapha, M. & Selavaraju, M. (2015). Personal attributes, family influences, entrepreneurship education and entrepreneurship inclination among university students. *Kajian Malaysia*, 33(sup 1), 155-172.
- Nagarathanam, R. & Buang, N. A. (2016). The relationship between attitude, intention, and entrepreneurship career choice among Malaysian India Undergraduates. *Akademika*, 86(2), 43-52.
- Nawang, W. M. Z. W., Saat, N. H., Ahmad, S. & Mamat, I. (2016). Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 87-98.
- Ooi, Y. K. & Ahmad, S. (2013). A study among university students in business start-ups in Malaysia: Motivations and obstacles to become entrepreneurs. *Terengganu International Management and Business Journal*, 3(1), 1-11.
- Pawitan, G., Nawangpalupi, C. B. & Widyarini, M. (2017). Understanding the relationship between entrepreneurial spirit and global competitiveness: Implications for Indonesia. *International Journal of Business and Society*, 18(2), 261-278.
- Peng, Z., Lu, G., & Kang, H. (2012). Entrepreneurial intentions and its influencing factors; A survey of the University Students in Xi'an China. *Creative Education*, 3, 95-100.
- Pihie, Z. A. L. & Bagheri, A. (2011). Malay student's entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy in vocational and technical secondary schools of Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 19(2), 433-447.
- Salleh, N. H. M., Rani, S. H. A. & Latief, D. A. (2016). The influence of college experience on the entrepreneurial intention among IKBN students. *Sains Humanika*, 8 (4-2), 117-119.
- Samsudin, N., Jalil, N. A., Wahid, H. A., Yahya, R. Jizat, J. E. M. (2016). Students' readiness, motivation and attitude towards entrepreneurship. *International Business Education Journal*, 9(1), 50-57.
- Santos, F. J., Roomi, M. A., & Linan, F. (2016). About gender differences and the social environment in the development of entrepreneurial intention. *Journal of Small Business Management*, 54(1), 49-66.
- Sarif, S. & Amran, A. (2016). Keusahawanan di kalangan mahasiswa: Kajian kecenderungan pelajar Muslim di Universiti Malaya. *Jurnal Syariah*, 14(1), 93-109.
- Seun, A. O., Kalsom, A. W, Bilkis, A. & Raheem, A. I. (2017). What motivates youth entrepreneurship? Born or made. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 25(3), 1419-1448.
- Shariff, M. M. M. & Saud, M. B. (2009). An attitude approach to the prediction of entrepreneurship on students at institution higher learning in Malaysia. *International Journal of Business Management*, 4(4), 129-135.
- Soon, J. J., Lim, H. E. & Ahmad, S. A. (2016). Be your own boss, anyone? Earnings, employment chances and job choice of fresh university graduates. *International Journal of Business and Society*, 17(3), 511-520.
- Sudipa, M. & Damodharan, V. (2012). Student's attitude towards entrepreneurship: Does gender matter in the UAE? *Foresight*, 15(4), 278-293.

- Thompson, E. R. (2009). Individual entrepreneurial intent: Construct clarification and development of an internationally reliable metric. *Entrepreneurship Theory & Practice*, 33(3), 669-694.
- Tunggak, B. & Ahmed, Z. (2015). Pengaruh faktor latar belakang terhadap orientasi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan belia Bumiputera Muslim. *Akademika*, 85(2), 29-43.
- Yusof, M. M. S., Sandhu & Jian, K. K. (2007). Relationship between psychological characteristics and entrepreneurial inclination: A case study of students at UNITAR. *Journal of Asia Entrepreneurship and Sustainability*, 3(2), 1-16.
- Zani, R. M., Ahmad, S. S. & Zakaria, A. (2016). The predictors of entrepreneurial intention among undergraduate students. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 148-158.
- Zaki, S. M., Tajuddin, N. & Asmui, M. (2016). Student's interest in entrepreneurship: A case study of 'Business Day'. *Gading Journal for the Social Sciences*, 1(2), 1-5.